

## KES PECAH AMANAH DANA KERAJAAN MALAYSIA LEBIH RM6.6B

# Bicara Najib, Irwan mulai 6 Januari

**Kuala Lumpur:** Perbincaraan kes pecah amanah dihadapi Datuk Seri Najib Razak dan bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan, Tan Sri Irwan Serigar Abdullah ditetapkan selama 48 hari bermula 6 Januari tahun depan.

Kes pecah amanah itu membabitkan enam tuduhan berkaitan dana Kerajaan Malaysia berjumlah lebih RM6.6 bilion.

Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali, menetapkan tarikh itu pada pengurusan kes berkenaan.

Mohd Nazlan turut menetap-

kan beberapa tarikh lain pada bulan Februari hingga April untuk perbincaraan kes terbabit.

“Tarikh perbincaraan kes selama 28 hari bermula 8 Julai hingga 22 Ogos depan yang ditetapkan sebelum ini dilampirkan bagi memberi laluan kepada perbincaraan kes SRC International Sdn Bhd,” katanya.

Pendakwaan kes ini dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Jamil Aripin dan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah mewakili Najib serta Datuk K Kumaraendran bagi pihak Irwan Serigar.

Pada prosiding Januari lalu,

pihak pendakwaan memaklumkan akan memanggil 70 saksi bagi memberi keterangan.

Saksi terbabit adalah sebahagian daripada 138 saksi berpotensi untuk dipanggil memberi keterangan.

### **Mengaku tak bersalah**

Najib, 66, dan Irwan Serigar, 62, mengaku tidak bersalah atas enam pertuduhan pecah amanah membabitkan dana Kerajaan Malaysia berjumlah lebih RM6.6 bilion.

Mengikut tuduhan, keduanya sebagai penjawat awam, iaitu masing-masing atas

kapasiti Menteri Kewangan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan yang diamanahkan ke atas harta iaitu wang antara RM220 juta dan RM1.3 bilion milik Kerajaan Malaysia, didakwa melakukan pecah amanah terhadap harta berkenaan.

Kedua-duanya didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara minimum dua tahun dan maksimum 20 tahun dan sebatan serta boleh juga dikenakan denda.